



# **UCAPAN PEMBUKAAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF**

**PENGERUSI**

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

**SEMPENA**

**'TAKLIMAT URUSAN TEMU DUGA PENGAMBILAN KHAS PPP**

**DG41 SECARA ONE OFF TAHUN 2021'**

**PADA**

**4 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**9.30 PAGI**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**



**“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi  
Maha Penyayang”**

**Assalamualaikum**

**Warahmatullahi**

**Wabarakatuh**

**dan Salam Sejahtera.**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Azmi bin Lateh**

**Timbalan Pengerusi**

**Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan**

**Yang Berusaha Encik Md Radzi bin Hashim**

**Setiausaha**

**Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan**

**Yang Berusaha Dr. Mohd Nasrudin Bin Basar**

**Timbalan Rektor**

**Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi**

**Institut Pendidikan Guru Malaysia**

**Yang Berusaha Pegawai-Pegawai Kanan**

**Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP)**

**Seterusnya**

**Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dicalonkan sebagai Pengerusi dan Wakil Jabatan bagi urusan temu duga Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 Secara One Off Tahun 2021.**

**1. Setinggi-tinggi kesyukuran Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, pada hari yang berbahagia ini, kita dapat sama-sama berkumpul dan bertemu dalam Sesi Taklimat Urusan Temu Duga Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Secara One Off Tahun 2021.**

**2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan hadir pada hari ini. Sesi taklimat yang diatitkan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman tentang urusan temu duga pengambilan khas kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah dicalonkan oleh KPM sama ada sebagai Pengerusi atau Wakil Jabatan Lembaga Temu Duga. Mudah-mudahan sesi taklimat ini akan memberi manfaat dan dapat membantu tuan-tuan dan puan-puan sepanjang melaksanakan urusan temu duga kelak.**

**3. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada KPM yang sentiasa membantu SPP terutama dalam urusan pengambilan khas ini. Kerjasama antara dua agensi Kerajaan sebegini amat diperlukan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dapat diberikan kepada masyarakat.**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

**4. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan dalam sidang media pada 20 Jun 2021 telah mengumumkan bahawa KPM akan melaksanakan pengambilan khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 bagi mengisi sebanyak 18,702 kekosongan jawatan di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia.**

**5. Rentetan pengumuman tersebut, SPP telah mengiklankan permohonan Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Secara One Off Tahun 2021 pada 7 Julai 2021 dan ditutup pada 21 Julai**

**2021. Sepanjang tempoh iklan tersebut, seramai hampir 40,000 orang calon yang mempunyai ikhtisas pendidikan telah memohon.**

**6. Justeru itu, bagi memastikan calon-calon yang memohon dapat ditemu duga dan dilantik tetap selewat-lewatnya pada akhir November 2021, maka SPP telah memohon bantuan daripada KPM untuk mengenal pasti dan seterusnya mencalonkan pegawai-pegawai yang berpengalaman untuk dilantik sebagai Pengerusi dan Wakil Jabatan Lembaga Temu Duga bertujuan untuk menambah bilangan Lembaga Temu Duga yang biasanya hanya terhad kepada 13 sahaja.**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

**7. Bagi pengambilan khas ini, SPP telah merancang untuk melaksanakan urusan temu duga sebanyak tiga (3) fasa. Fasa pertama telah pun selesai dijalankan pada 8 hingga 13 September 2021 yang lepas melibatkan seramai 783 orang calon pelbagai opsyen.**

**8. Fasa Kedua akan dilaksanakan pada 6 hingga 26 Oktober 2021 yang melibatkan seramai 11,800 orang calon bagi mengisi 8,955 kekosongan jawatan. Manakala, Fasa Ketiga dan yang terakhir dijadualkan pada bulan November 2021.**

**9. Akhir kata, besarlah harapan saya dan SPP agar tuan-tuan dan puan-puan dapat memberikan komitmen sepenuhnya untuk urusan temu duga pengambilan khas ini. Semoga segala usaha kita ini sedikit sebanyak dapat membantu memartabatkan profesion perguruan di Malaysia serta dalam masa yang sama dapat membantu masyarakat di luar sana yang terjejas dengan Pandemik Covid-19. Sebentar lagi, selepas sesi bersama saya ini, tuan-tuan dan puan-puan akan diberikan taklimat lanjut berkaitan pelaksanaan urusan temu duga oleh pihak urus setia. Jadi, saya teruskan sesi berikutnya iaitu Sesi Perkongsian Temu Duga.**

**Sekian, terima kasih.**